# <u>KEM MOTIVASI skd 1997</u>

## SOALAN KUIZ BAGI PUSINGAN KE 3
## PENGETAHUAN AM

<u>BAHAGIAN A</u>

*Sebanyak 10 soalan akan dikemukakan dalam bahagian ini. Seorang peserta dengan dibantu oleh rakan sepasukan mencatat jawapan pada kertas yang diberikan selepas soalan dibacakan.Soalan akan dibacakan sekali sahaja. Kertas akan dipungut selepas 10 saat soalan terakhir dibacakan. <u>Dua markah</u> akan diberikan jika jawapan anda betul dan tepat.*

1. Siapakah Yang di-Pertuan Agong Malaysia sekarang ?
   (Tuanku Jaafar )

2. Kita akan menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos1997 ini. Kali ke berapakah sambutan kali ini ?
   (kali ke-40)

3. Siapakah Menteri Pendidikan Malaysia sekarang ?
   (Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak)

4. Apakah gunung tertinggi di dunia ?
   (Gunung Everest)

5. Apakah gelaran yang diberikan kepada Nabi Muhammad S.A.W. semasa baginda di alam kanak-kanak ?
   (Al-Amin)

6. Siapakah Perdana Menteri Malaysia yang ke-3 ?
   (Tun Hussien Bin Onn)

7. Bilakah Sekolah Kebangsaan Darau dirasmikan?
   (1948)

8. Manusia pertama menjejakkan kaki ke bulan.
   (Neil Armstrong)

9. Namakan menara yang tertinggi di dunia ?
(Menara Kembar Petronas/KLCC)

10. Sungai terpanjang di dunia ialah ...
(Sungai Nil)

## Bahagian B

*Siapa Cepat Dia Dapat ! Peserta dikehendaki mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang dikemukakan, berdasarkan siapa cepat dia dapat. Sebanyak dua markah akan diberikan kepada jawapan yang betul dan tepat. Tetapi, perlu diingat ... satu markah akan dipotong jika jawapan yang diberikan adalah salah. Heh! Heh!*

1. Berapakah suhu badan normal manusia ?
(37 darjah Celcius)

2. Projek empangan hidro-elektrik buatan manusia yang t terbesar di Asia Tenggara ialah ...
(Empangan Bakun, Sarawak)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan AIDS dalam bahasa Melayu?
(Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit)

4. Apakah gambar yang terdapat pada duit syiling RM1.00 ?
(keris dan sarungnya)

5. Negeri manakah pengeluar petroleum yang terbesar di Semenanjung Malaysia ?
(Terengganu)

6. Demam malaria ialah salah satu daripada penyakit yang boleh membawa maut. Namakan agen yang membawa kepada merebaknya penyakit tersebut.
(tiruk)

7. Bulan haji dalam taqwim Islam ialah ...
(Bulan Zulhijjah)

8. Sebutkan salah seorang Sasterawan Negara Malaysia ?
(Shahnon Ahmad / Abdullah Hussin / A. Samad Said / Keris Mas - Kamarudin / Tongkat Waran - Usman Awang / Nordin )

9. Di negara manakah Sukan Komenwel (SUKOM) 1998 akan diadakan ?
(Malaysia)

10. Namakan laut yang memisahkan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak ?
(Laut China Selatan)

## Soalan Tambahan

*Soalan ini diciptakan kerana bimbang berlakunya persamaan markah antara kumpulan yang bertanding.*

1. Apakah nama lautan yang terbesar di dunia ?
(Lautan Pasifik)

2. Apakah tema Hari Kebangsaan bagi tahun 1997?
(Akhlak Mulia Masyarakat Jaya)

3. WHO adalah salah satu agensi dalam badan dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Apakah fungsi atau peranan WHO.
(Menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki taraf kesihatan penduduk di dunia)

4. Rajah menunjukkan 6 biji gelas yang disusun sebaris. Tiga daripadanya mengandungi air. Ubah kedudukan gelas-gelas tersebut agar kedudukannya berselang-seli dengan 2 kali angkat sahaja.
(B ke E ; E ke B)

5. Tempat paling sejuk di dunia ?
(Kutub Utara - Antartik)
(Kutub Selatan - Artik)